



# KENYATAAN TENDER

## (KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

### KERJA-KERJA MEMBAIKI, MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENAIKtarAF KOMPONEN BERKAITAN M&E DI BANGUNAN DAN LAMPU-LAMPU TAMAN UNTUK TAMAN WETLAND PUTRAJAYA PRESINT 13, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA. (NO. TENDER : PPJ/T/JL/2/2022)

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<b>Gred : G4</b> <b>Kategori : ME</b> <b>Pengkhususan : M01, E04 dan E11</b> <b>Dan</b> <b>Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk Taraf Bumiputera</b>	<b>11 Mac 2022 (Jumaat)</b> <b>9.30 pagi</b>  <b>Bilik Mesyuarat Aras 5, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya</b>  (Kehadiran adalah digalakkan) <b>Maklumat berkaitan tender dalam bentuk slide juga boleh didapati di pautan <a href="https://www.ppj.gov.my/second-page/tender">https://www.ppj.gov.my/second-page/tender</a></b>	<b>11 Mac 2022 (Jumaat)</b>  sehingga <b>25 Mac 2022 (Jumaat)</b>  Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia <b>RM300.00</b>  (Tidak Dikembalikan)  <b>Tunai/Draf Bank</b>  Perbadanan Putrajaya	<b>4 April 2022 (Isnin)</b>  <b>12.00 tengah hari</b>  Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
  - Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM300,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Kehadiran Kontraktor/Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** namun Kontraktor/Syarikat adalah digalakkan untuk hadir bagi memastikan Kontraktor/Syarikat mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan jelas berkaitan tender ini. Maklumat berkaitan tender ini juga boleh didapati secara atas talian dalam bentuk slide menerusi laman web seperti di atas.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja di mana wakil-wakil Kontraktor/Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor juga hendaklah membawa dokumen-dokumen asal dan satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Salinan Sijil-sijil Pendaftaran PKK boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah PKK.
7. Tender ini akan ditutup pada **4 April 2022** bersamaan hari **Isnin, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Syarikat yang berurusan di Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.